

05 JUL 1996

Badminton-Ganjaran

BUKAN KAMI YANG MINTA GANJARAN, KATA RASHID SIDEK

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Ahli sukan negara terutamanya pemain badminton sebenarnya tidak meminta sebarang ganjaran daripada kerajaan atau swasta apabila memenangi sebarang kejohanan yang disertai mereka, kata jaguh badminton kebangsaan, Rashid Sidek.

"Kami tidak pernah meminta ganjaran apabila memenangi sesuatu kejohanan. Apa yang kami dapat sebelum ini merupakan penghargaan daripada kerajaan di atas jasa dan sumbangan menaikkan nama negara," kata beliau.

Rashid berkata adalah tidak adil menganggap pemain-pemain mementingkan ganjaran semata-mata kerana ini merupakan era profesional dan sukan merupakan periuk nasi sesetengah ahli sukan.

"Sudah menjadi lumrah sesiapa yang menang mendapat ganjaran...ini perkara biasa dalam tenis, badminton dan banyak lagi sukan. Kalau menang baru dapat, kalah tidak dapat apapun," katanya selepas latihan di sini hari ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyelar ahli-ahli sukan yang terlalu mementingkan ganjaran dan mahukan semua pihak menghentikan pemberian ganjaran keterlaluan kepada atlit yang berjaya.

Rashid berkata kenyataan Perdana Menteri yang mengingatkan supaya persatuan sukan tidak terlalu memanjakan ahlinya dan menjanjikan ganjaran adalah baik dan patut disokong untuk meningkatkan mutu sukan negara ini.

Bagaimanapun, beliau terkilan kerana masyarakat beranggapan ahli sukan negara lebih mementingkan ganjaran daripada persembahan di dalam sesuatu kejohanan.

"Macam mana hendak mendapat ganjaran kalau tidak menang. Semasa Sukan Olimpik 1992 kami dijanjikan RM1 juta kalau menang emas...kami tidak menang jadi tidak dapatlah," kata beliau, yang akan bertanding di Sukan Olimpik bulan ini.

Badminton merupakan sukan yang menjadi sasaran kritikan kerana prestasi yang dianggap merosot selepas mendapat pelbagai ganjaran selepas memenangi Piala Thomas 1992.

Setiap pemain diberi sebidang tanah oleh kerajaan negeri Selangor manakala empat tahun sebelumnya mereka mendapat sebuah kereta seorang selepas layak ke pertandingan akhir.

Rashid berkata sebagai pemain badminton sepenuh masa, mereka perlu memikirkan masa depan dan bertungkus lumus mengumpulkan wang sekarang kerana karier sebagai pemain tidak lama.

"Lainlah kalau seseorang itu mempunyai ijazah, lagi senang mendapat kerja yang kekal. Lihatlah apa yang terjadi kepada pemain-pemain di bawah BAM (Persatuan Badminton Malaysia)...mereka yang tersingkir awal tidak tentu masa depan mereka," katanya.

"Kalau fikir duit sangat, saya pasti duduk terus dalam BAM. Saya tiada gaji tetap dalam Nusa Mahsuri, malah tiada lagi kontrak bernilai berjuta-juta ringgit dengan Carlton seperti dahulu," kata Rashid.

Katanya, beliau akan berjuang habis-habisan di Sukan Olimpik di Atlanta yang mungkin merupakan penyertaannya yang terakhir di temasya itu dan berazam membawa pulang sebutir pingat untuk negara.

"Perjuangan ini saya anggap sebagai suci dan jujur untuk negara. Saya juga mahu memulihkan imej saya kembali selepas gagal di kejohanan Piala Thomas sebelum ini," katanya.

Rashid berkata beliau tidak mahu memikirkan segala cacian dan kritikan yang diterima selepas Piala Thomas dan mahu menumpukan perhatian menghadapi

Sukan Olimpik.
-- BERNAMA
AR RY AKD